

Gaji, upah dibayar sektor pembuatan naik 3 peratus kepada RM8b

Gaji dan upah yang dibayar dalam sektor pembuatan meningkat tiga peratus kepada RM8 bilion pada Jun 2023 berbanding setahun lalu, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata purata gaji dan upah bulanan bagi setiap pekerja turut mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,432, namun nilai jualan bagi setiap pekerja jatuh sebanyak 5.9 peratus kepada RM62,853.

Beliau berkata, sektor pembuatan juga merekodkan 2.35 juta pekerja pada Jun 2023, meningkat 2.1 peratus berbanding 2.30 juta orang dicatatkan setahun lalu.

Katanya, kenaikan itu didorong, terutama oleh subsektor peralatan elektrik dan elektronik (3.4 peratus), produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (1.8 peratus) serta kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain (1.6 peratus).

“Bilangan pekerja dan gaji dan upah pada suku kedua 2023, masing-masing tumbuh sederhana 2.1 peratus dan 3.6 peratus daripada 2.8 peratus dan 4.3 peratus pada suku pertama,” katanya.

Mohd Uzir berkata, gaji dan upah menyusut 0.6 peratus daripada RM8.1 bilion direkodkan Mei lalu, manakala bilangan pekerja dalam sektor itu berkurang secara marginal 0.4 peratus.

Beliau berkata, nilai jualan sektor pembuatan merekodkan penyusutan pertama sejak suku kedua 2020 sebanyak satu peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya dengan kemerosotan itu disumbangkan subsektor makanan, minuman dan tembakau (12.7 peratus) serta petroleum, kimia, getah dan plastik (4.8 peratus).

“Nilai jualan sektor pembuatan mencapai RM888.6 bilion, berkembang 3.5 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

“Pada tempoh berkenaan, pekerja bertambah 2.1 peratus kepada 2.35 juta orang, manakala gaji dan upah tumbuh 4 peratus, mencatatkan RM48.7 bilion.

“Seterusnya, nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM378,855 yang merekodkan pertumbuhan 1.4 peratus,” katanya.

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 73 peratus daripada jumlah jualan, merosot 7.4 peratus pada Jun 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus pada bulan sebelumnya dengan penurunan itu disebabkan, terutama oleh industri pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan (27.4 peratus); pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (18.6 peratus) serta pembuatan produk getah (13.2 peratus).